

13/10/1997

Internet melalui TV sajian baru untuk IT

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR: Internet kini mempengaruhi setiap lapisan masyarakat baik yang berkhidmat di sektor awam, swasta mahu pun golongan pelajar sekolah kerana mampu menyediakan pelbagai bentuk maklumat secara terus dan mudah.

Bagaimanapun, penyaluran maklumat itu terbatas kerana ia hanya boleh disalurkan menerusi satu medium saja iaitu komputer peribadi (PC) dan PC bukannya sesuatu yang mampu dibeli oleh semua pihak.

Segala-galanya berubah dua tahun lalu apabila sebuah syarikat dari Palo Alto, California iaitu WebTV Networks, mereka bentuk konsep WebTV.

Syarikat yang dianggotai tiga bekas pekerja syarikat Apple Computer itu memberikan kebenaran penggunaan teknologinya kepada Sony dan Philips. Prinsip mereka amat mudah: "Jika komputer peribadi boleh menerima bahan Internet menerusi modem talian telefon, bagaimana pula jika ia disalurkan menerusi televisyen?".

Daripada gandingan dua syarikat elektronik gergasi dunia dengan WebTV Networks itu, wujud WebTV yang mula diperkenalkan di Amerika Syarikat (AS) dan Jepun awal tahun lalu. Di Malaysia, WebTV diperkenalkan oleh Philips Magnavox menerusi MyWeb kali pertama perkhidmatan berkenaan dilancarkan di luar AS dan Jepun.

Konsep MyWeb sememangnya revolusionari dan dijangka menggagalkan industri komputer di negara ini. Menerusinya, rakyat boleh menerima perkhidmatan Internet menerusi kaca televisyen masing-masing, tanpa kesukaran pengendalian seperti PC.

Ketika menyaksikan sesi prelu MyWeb awal tahun ini, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie menyifatkan produk itu sebagai asas penting ke arah meningkatkan penggunaan bahan teknologi maklumat (IT) di kalangan rakyat, di masa depan.

Menurut menteri itu, golongan yang sebelum ini 'takut' kepada komputer khususnya di kalangan mereka yang agak berusia, sudah tentunya lebih biasa dengan televisyen.

"Kerajaan yakin produk seperti ini akan membantu mendekatkan rakyat kepada dunia teknologi maklumat dengan berkesan," katanya.

Sebenarnya MyWeb adalah gabungan televisyen dan Internet. Kita boleh membuat pilihan untuk menonton rancangan televisyen atau melayari Internet. Di sinilah letaknya kelebihan TV Internet. Dunia Internet tidak lagi menjadi tatapan peribadi tetapi tontonan seisi keluarga.

Dari kerusi empuk di ruang tamu, MyWeb membolehkan pengguna membuat pilihan sama ada menggunakan alat kawalan jauh atau papan kekunci kawalan jauh untuk melayari ruang siber, tentunya lebih baik daripada membongkokkan diri di depan monitor komputer peribadi.

Oleh itu, dengan mengalihkan capaian ke dalam ruang siber daripada PC ke set televisyen, melayari Internet boleh menjadi kegiatan masa senggang baru untuk keluarga.

MyWeb merangkumi dua komponen utama, iaitu set-top box (STB) dan perkhidmatan Internet online yang akan dijual di pasaran mulai hari ini pada harga kira-kira RM1,088. Sebuah lagi komponen iaitu papan kekunci disediakan sebagai pilihan pada harga kurang RM120, bagi mereka yang memerlukannya.

Menurut TecnoChannel Sdn Bhd (TCSB) yang membangunkan produk itu bersama-sama Philips, MyWeb membolehkan pengguna menerima bahan Internet keluaran tempatan membabitkan televisyen interaktif, membeli-belah di rumah dan menjalankan transaksi perbankan virtual.

Pengurus Perniagaan TCSB, T Nagarajan, berkata untuk melunsi Internet dengan MyWeb, seseorang pengguna itu hanya perlu menyambungkan STB ke televisyen; sambungkan talian telefon dan memulakan 'pelayaran'.

"MyWeb ialah sebuah peralatan plug-and-play sama seperti alat perakam video. Perisian browser sudah dimasukkan ke dalam STB, jadi pengguna tidak perlu melalui proses pemasangan seperti menggunakan PC," katanya.

Masalah yang sering berlaku dalam PC seperti teknologi lama, kerosakan perkakasan dan serangan virus tidak berlaku kepada STB.

Bagi mereka yang tidak gemar menggunakan papan kekunci komputer, peralatan STB boleh digunakan dengan peralatan kawalan jauh yang sama seperti digunakan untuk televisyen biasa.

MyWeb memperagakan tettingkap yang pelbagai, membolehkan penonton menggunakan Internet dan pada masa yang sama dapat menonton televisyen.

Contohnya peminat sukan yang sedang menonton acara sukan diminatinya boleh melayari ruang siber untuk mengetahui latar belakang individu atau pasukan yang diminati atau mendapatkan maklumat mengenai prestasi ahli sukan atau pasukan yang diminatinya itu dengan skrin kecil di tepinya. Terpulanglah kepada pengguna sama ada ingin melayari World Wide Web atau tidak.

MyWeb yang disasarkan untuk semua lapisan masyarakat lebih sesuai untuk kaca televisyen kerana ia lebih besar daripada monitor PC dan boleh disambungkan kepada mana-mana jenama televisyen.

Menurut jurucakap Philips, ia akan membantu mengubah set televisyen biasa kepada sebuah medium yang interaktif, dan menjadikan pelunsi Internet salah satu kegiatan biasa, sama seperti menonton televisyen.

"Memandangkan ia tidak memerlukan prosedur pemasangan seperti PC, penggunaan MyWeb tidak memerlukan sebarang pengalaman menggunakan komputer. Ia sama seperti mempelajari penggunaan alat perakam video," kata jurucakap itu.

Salah satu keistimewaan MyWeb ialah halaman maklumat asasnya yang seratus peratus perkhidmatan tempatan. Ia terbahagi kepada enam saluran iaitu Berita, Perniagaan, Membeli-belah, Hiburan, Pendidikan dan Perkhidmatan.

Saluran perniagaan membolehkan hubungan terus kepada laporan saham, perniagaan dan perbankan di rumah kepada pengguna. Saluran berita pula menghubungkan pengguna kepada halaman akhbar dan televisyen terkemuka dunia dan tempatan.

MyWeb turut menawarkan kemudahan pembayaran pelbagai jenis bil menerusi saluran perkhidmatannya. Perbincangan sedang berjalan dengan beberapa pertubuhan untuk melaksanakan sistem berkenaan.

Antara yang sudah menjalin kerjasama dengan TCSB ialah Hotel Nikko di Jalan Ampang di sini, yang akan menyediakan STB di setiap biliknya bagi kegunaan penghuni yang kebanyakannya ahli perniagaan.

Menurut Pengerusi Eksekutif TCSB, Tan Sri Ahmad Mustafa Babjee, kandungan MyWeb akan sentiasa dipertingkatkan untuk menyediakan maklumat terkini kepada penggunanya.

Televisyen Internet menerusi MyWeb membuka peluang luas kepada rakyat belayar di ruang siber, menghubungi ahli keluarga dan sanak-saudara dan melihat berita terbaru dalam masa yang singkat.

Ia adalah antara unsur utama yang menggerakkan usaha ke arah mewujudkan masyarakat teknologi maklumat di masa depan, sebagaimana diimpikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)